



Ruj. Kami :  
 Ruj. Tuan :  
 Tarikh : 21 Oktober 2024

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
 Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)  
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan  
 No.1, Persiaran Perdana,  
 Presint 2  
 62594 Putrajaya  
 (U.P: Puan Farawati binti Ismail)

**PEMAKLUMAN KELEWATAN PENGKREDITAN BAYARAN CARUMAN BORANG A KE AKAUN  
 MAJIKAN DAN AHLI BERMULA BULAN MAC 2024**

Puan,

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan mesyuarat bersama pihak BPOPP, Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada 18 Oktober 2024 adalah dirujuk.

2. Sepertimana telah dimaklumkan dalam mesyuarat, berlaku kelewatan pengkreditan ke dalam akaun ahli KWSP yang melibatkan beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) di agensi kerajaan. Ini adalah disebabkan maklumat data bayaran yang dihantar oleh pihak bank pembayar seperti Affin Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad yang bermula sejak bulan Mac 2024 sehingga sekarang, tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dan berlaku kesilapan atau kekurangan atau ketiadaan maklumat seperti yang diterima oleh pihak bank penerima (RHB Islamic Bank).

3. Berikutan daripada maklumat majikan yang tidak lengkap seperti perihal bayaran dan maklumat EFT, proses pengenalpastian maklumat bayaran terpaksa dilakukan secara manual dengan menghubungi pihak bank penerima (RHIB). Proses pengkreditan akan dilakukan secara manual oleh KWSP Cawangan setelah mendapat maklumbalas maklumat yang tepat dan pengesahan daripada pihak PTJ.

4. Masalah dan isu ini telah kerapkali dibangkitkan kepada pihak bank pembayar dan isu berkenaan masih belum dapat diselesaikan oleh pihak bank terlibat. Pihak KWSP telah memaklumkan isu berbangkit kepada pihak RHIB dan satu perbincangan akan diadakan di antara pihak KWSP, pihak bank pembayar dan pihak bank penerima (RHIB) dalam bulan Oktober atau November 2024 ini, bagi mencari punca permasalahan dan seterusnya menangani isu supaya tidak berulang.



..2/

5. Permasalahan ini akan terus berlanjutan sekiranya pihak bank pembayar tidak berusaha mengambil langkah yang efisyen bagi menyelesaikan masalah tersebut. Justeru, perkara ini dikemukakan untuk makluman dan perhatian pihak BPOPP, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Sharir Ismail".

Sharir Ismail  
Pengurus Kanan  
Seksyen Pengurusan Kutipan Caruman (SPKC)  
Jabatan Pengurusan Caruman